



## UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

### PEPERIKSAAN AKHIR

#### SEMESTER II SESI 2018/2019 (SARJANA MUDA)

<b>NAMA KURSUS</b>	: BAHASA MELAYU ILMIAH
<b>KOD KURSUS</b>	: BBB3201
<b>TARIKH</b>	: 19 JUN 2019
<b>TEMPAT</b>	: DEWAN SULTAN MIZAN
<b>MASA</b>	: 9.00 – 11.00 PAGI (2 JAM)

<b>NO. MATRIK</b>	:	_____
<b>NAMA PROGRAM</b>	:	_____
<b>NO. MEJA</b>	:	_____

#### **ARAHAN KEPADA CALON**

- i. Kertas soalan ini mengandungi DUA bahagian: **A** dan **B**.
- ii. Sila jawab **SEMUA** soalan.
- iii. Bahagian A jawab pada ruangan yang disediakan.
- iv. Bahagian B jawab pada kertas OMR yang disediakan.

**JANGAN BUKA BUKU SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 17 MUKA SURAT BER CETAK*

**BAHAGIAN A: STRUKTUR (20 MARKAH)****ARAHAN : Tulis jawapan pada ruangan yang disediakan.**

1. Bahasa Melayu merupakan bahasa yang tergolong dalam rumpun Austronesia. Bincangkan.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

**(6 Markah)**

2. Huraikan fungsi bahasa Melayu dalam konteks negara Malaysia.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

**(5 Markah)**

**Arahan:** Kenal pasti kesalahan bahasa yang terdapat dalam setiap petikan di bawah. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembetulan.

3. Bahasa berkembang dan berubah. Ianya bergantung kepada keperluan penggunaanya dan faktor-faktor kemajuan yang lain. Jika dahulu, sebelum bertambahnya teknologi multimedia, hampir tidak kedengaran istilah-istilah seperti klik, muat turun, pangkalan data, dan yang seumpamanya. Teknologi tersebutlah yang memunculkan kata dan istilah-istilah yang dipakai pada hari ini dengan meluas.

Kesalahan : \_\_\_\_\_

Sebab kesalahan : \_\_\_\_\_

Pembetulan : \_\_\_\_\_

**(3 Markah)**

4. Walaupun keputusan kerajaan untuk menghadkan pengambilan tenaga kerja asing telah diterima baik oleh rakyat, namun perkara ini sudah pasti akan menimbulkan masalah kepada pihak industri di negara ini.

Kesalahan : \_\_\_\_\_

Sebab kesalahan : \_\_\_\_\_

Pembetulan : \_\_\_\_\_

**(3 Markah)**

5. Adalah dimaklumkan bahawa, pihak pengurusan sekolah akan mengadakan majlis penyampaian hadiah untuk menghargai para pelajar yang menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang sesi persekolahan pada tahun ini. Justeru, semua ibu bapa dijemput hadir untuk memeriahkan lagi majlis ini.

Kesalahan : \_\_\_\_\_

Sebab kesalahan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Pembetulan : \_\_\_\_\_

**(3 Markah)**

**BAHAGIAN B : SOALAN OBJEKTIF (60 MARKAH)**

**ARAHAN : Jawab semua soalan.**

1. Pada peringkat awal, istilah "Melayu" dikaitkan dengan \_\_\_\_\_.
  - A. bangsa
  - B. kerajaan
  - C. keturunan raja-raja
  - D. suku bangsa Nusantara
2. Pilih pernyataan yang salah tentang perkembangan bahasa Melayu zaman kerajaan Sriwijaya.
  - A. Penemuan sebuah batu bersurat bertarikh 832 Masihi dijumpai di Gandasuli, daerah Jawa Tengah
  - B. Bahasa Melayu telah dijadikan bahasa perantara walaupun bahasa Melayu pada ketika ini dipengaruhi bahasa Hindu-Buddha
  - C. Bahasa Melayu sebagai bahasa perdagangan, pentadbiran, dan perhubungan umum-lingua franca
  - D. Bahasa Melayu menjadi alat penyebaran agama Islam melalui pengaruh politik Melayu pada masa itu
3. Kumpulan yang berhijrah ini sudah mempunyai kemahiran asas seperti bercucuk tanam dan memburu. Kumpulan yang dimaksudkan ialah:
  - A. Melayu Proto
  - B. Melayu Purba
  - C. Melayu Deutro
  - D. Melayu Nusantara

4. Penutur asal bahasa Melayu Kuno dikatakan tinggal di sekitar \_\_\_\_\_.
- A. Sumatera  
B. Pulau Borneo  
C. Kepulauan Riau  
D. Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Riau dan Sumatera
5. Usaha menaik taraf bahasa Melayu dibahagikan kepada beberapa peringkat, iaitu:
- A. Pembinaan, pelaksanaan, dan penilaian  
B. Perancangan, pembinaan, dan penilaian  
C. Perancangan, penilaian, dan pelaksanaan  
D. Perancangan, pelaksanaan, dan penilaian
- Bahasa Kebangsaan hendaklah ditulis dengan huruf rumi. Huruf Jawi boleh digunakan tanpa tegahan. Jika sesuatu borang rasmi ditulis dalam bahasa Inggeris, terjemahannya hendaklah dibuat dalam bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa Inggeris masih dibolehkan untuk diperuntukan di Parlimen atau di mahkamah, disamping bahasa kebangsaan.
6. Kenyataan di atas menerangkan \_\_\_\_\_.
- A. Akta Pendidikan  
B. Taraf Bahasa Melayu  
C. Akta Bahasa Kebangsaan  
D. Perkara 152 Perlembagaan Malaysia
7. Pilih pernyataan yang benar tentang bahasa Melayu zaman Belanda dan Inggeris.
- A. Semangat kebangsaan tercetus dan bahasa Melayu diperjuangkan serentak dengan perjuangan pembebasan Tanah Melayu daripada bangsa asing  
B. Kejayaan tercapai dengan termaktubnya artikel 152 dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu  
C. Selepas Perang Dunia ke-2, Inggeris memperkenalkan dasar penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah  
D. Bahasa Melayu mendapat perhatian daripada sarjana-sarjana Eropah

8. Pilih perkataan yang menunjukkan kata kerja transitif aktif.
- A. Menjawab  
B. Tersenyum  
C. Berbantalkan  
D. Bermandikan
9. Antara yang berikut, yang manakah kata kerja tak transitif tanpa pelengkap.
- I. pulang  
II. terpijak  
III. berjalan  
IV. menjerit
- A. I, II, dan IV  
B. II dan III  
C. I, III dan IV  
D. Semua di atas
10. Yang manakah perkataan di bawah ini menunjukkan Kata Nama Terbitan "ke-an".
- A. ketinggian  
B. kejatuhan  
C. kependudukan  
D. keberangkatan
11. Antara perkataan berikut, yang manakah jenis Kata Nama Majmuk?
- I. kaki bangku  
II. tolak ansur  
III. cermin mata  
IV. tali pinggang
- A. I dan II  
B. III dan IV  
C. I, II dan IV  
D. Semua di atas.
12. Yang manakah menggunakan frasa sendi nama di bawah?
- A. Gadis cantik itu adik saya.  
B. Ahmad tidur berbantal lengan.  
C. Kami berpindah ke Seremban.  
D. Ayah saya seorang polis.

13. Perkataan manakah yang tidak mengandungi sisipan?
- A. Selusur  
B. Semerbak  
C. Gelagat  
D. Serampang
14. Antara berikut yang manakah tergolong dalam kata nama am tak hidup bukan institusi mujarad.
- A. Senyuman  
B. Perbadanan  
C. Perusahaan  
D. Hospital swasta
15. Pilih pernyataan yang benar tentang Morfologi.
- I. Mengkaji susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang  
II. Unit yang terkecil dalam bahasa yang berfungsi secara gramatis  
III. Mengkaji perkataan-perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi  
IV. Bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, binaan atau kontruksi ayat
- A. I dan III  
B. II dan III  
C. I, III, dan IV  
D. Semua di atas
16. Bentuk kata di bawah tergolong dalam \_\_\_\_\_.
- |                                    |
|------------------------------------|
| ABIM<br>Proton<br>Intan<br>Bernama |
|------------------------------------|
- A. kata tugas  
B. kata tunggal  
C. kata nama khas  
D. kata nama terbitan

17. Binaan ayat yang manakah yang menggunakan kata majmuk dengan betul?
- I. Syarikat itu telah diambil alih oleh anaknya.  
II. Kerajaan telah menubuhkan jawatan kuasa khas bagi menyiasat kes penyelewengan tersebut.  
III. Temu bual bersama tokoh itu akan diadakan pada jam dua petang.  
IV. Fakta sejarah itu telah diputarbelitkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
- A. III dan IV  
B. I, II dan IV  
C. I, II dan III  
D. Semua di atas
18. Antara pernyataan yang berikut, yang manakah menggunakan kata bantu ragam.
- I. Kerosakan pada telefon awam itu sudah diperbaiki oleh pihak berwajib.  
II. Ahli bersekutu boleh hadir dalam mesyuarat itu tetapi tidak dibenarkan mengundi.  
III. Tan Sri Nazri Ibrahim masih memegang jawatan sebagai pengarah syarikat Madey Holding.  
IV. Rakyat yang layak mesti mendaftar dahulu sebelum berhak mengundi dalam pilihan raya.
- A. I dan II  
B. II dan IV  
C. I, II dan III  
D. Semua di atas
19. Salah satu kelompok kata tugas ialah:
- A. Kata nama  
B. Kata kerja  
C. Kata adjektif  
D. Kata penyambung ayat
20. Ayat di atas tergolong dalam kategori\_\_\_\_\_.

Kanak-kanak yang cedera itu rupa-rupanya anak Leman.

- A. ayat aktif
- B. ayat pasif
- C. ayat majmuk
- D. ayat tunggal

21. Sintaksis ialah \_\_\_\_\_.

- A. unit pengucapan yang paling tinggi dalam tatabahasa
- B. kepelbagaian ragam ayat dan pembinaan unsur dalam ayat
- C. ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan ayat
- D. ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan golongan kata

22. Yang manakah antara ayat berikut bukan ayat majmuk gabungan?

- A. Mahasiswa IPTA seharusnya memiliki kemahiran berkomunikasi serta pencapaian akademik yang baik.
- B. Program 'Cintai Alam Sekitar' bukan sahaja mendidik remaja untuk menghargai alam semulajadi, malahan berusaha mengekalkan anugerah yang tidak ternilai ini.
- C. Untuk memperoleh keputusan yang cemerlang pelajar perlu menerapkan nilai disiplin dalam diri.
- D. Kemudahan-kemudahan yang disediakan di asrama membuatkan pelajar selesa dan berupaya memberi tumpuan kepada pengajian.

23. Ayat di bawah tergolong dalam \_\_\_\_\_.

Bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa ilmu dan seluruh sistem pendidikan nasional setelah orang Melayu menentang dasar Inggeris yang ingin menyamaratakan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris pada Gelombang Pertama menjelang kemerdekaan.

- A. ayat majmuk gabungan
- B. ayat majmuk campuran
- C. ayat majmuk pancangan relatif
- D. ayat majmuk pancangan komplemen

24. Berdasarkan ayat-ayat berikut, yang manakah ayat relatif?

- I. Yang indah itu bahasa.
- II. Encik Ali guru yang berdedikasi.
- III. Semasa kami tiba, mereka tiada di rumah.
- IV. Mereka menonton drama yang disukai ramai.

- A. I dan II  
B. III dan IV  
C. I,II dan IV  
D. Semua di atas.
25. Yang manakah antara berikut menerangkan tentang laras bahasa?
- A. Kelainan bahasa berlaku disebabkan oleh keadaan geografi.  
B. Kelainan bahasa disebabkan oleh alat-alat pertuturan individu.  
C. Kelainan bahasa yang timbul hasil daripada pengkhususan bidang.  
D. Kelainan yang tercetus oleh keakraban hubungan antara individu.
26. Faktor yang menentukan sesuatu laras bahasa itu ialah\_\_\_\_\_.
- A. hubungan dengan suasana  
B. linguistik dan bahasa badan  
C. penggunaan bahasa yang menarik  
D. perbendaharaan kata yang digunakan
27. Ciri manakah yang membentuk sesuatu laras bahasa?
- A. Semantik  
B. Linguistik  
C. Morfologi  
D. Sintaksis
28. Sebuah wacana yang baik menekankan aspek-aspek berikut kecuali hubungan dari aspek\_\_\_\_\_.
- A. fonologi  
B. semiotik  
C. sintaksis  
D. tatabahasa
29. Yang manakah menunjukkan aspek-aspek keutuhan wacana?
- A. Semantik  
B. Sintaksis  
C. Fonologi  
D. Morfologi

30. Perkataan yang berhuruf condong dalam jadual di bawah merujuk kepada \_\_\_\_\_.

*Kucing Parsi itu comel.  
Kereta biru itu milik ayah.  
Pejabat baharu saya di Kuala Lumpur.*

- A. andaian
- B. infrensi
- C. predikat
- D. unsur keterangan

31. Kohesi bermaksud\_\_\_\_\_.

- A. jejalinan daripada satu bahagian teks dengan bahagian teks yang lain.
- B. perkaitan fakta yang digunakan untuk menyokong idea.
- C. kosa kata atau peristilahan yang mempelbagaikan gubahan wacana.
- D. sepatah kata yang berdiri sebagai satu ayat hingga kepada keseluruhan kandungan buku.

32. Antara berikut yang manakah benar tentang wacana.

- A. Unit bahasa yang melebihi had ayat
- B. Seni menggunakan bahasa melalui idea dan pemilihan kata
- C. Proses menyatakan sesuatu dengan seberkesan mungkin
- D. Mementingkan penyampaian dan gaya bahasa

33. Yang manakah antara berikut benar tentang retorik?

- A. Seni menggunakan bahasa yang indah.
- B. Bahasa pemujukan untuk mempengaruhi pendengar.
- C. Bahasa yang menekankan budi bahasa dalam tutur kata.
- D. Seni dalam penulisan yang menfokuskan struktur ayat yang tepat.

34. Antara berikut yang manakah jenis retorik?

- I. pemerhatian
- II. pendedahan
- III. penulisan
- IV. khutbah

- A. I dan II
- B. II dan IV
- C. I, II dan III
- D. Semua di atas

35. Pilih prinsip retorik penceritaan di bawah yang paling tepat.

- A. Ayat yang ringkas.
- B. Ayat yang memperlihatkan pertautan.
- C. Ayat yang mempunyai peluasan makna.
- D. Ayat yang mempunyai unsur petanda dan penanda.

36. Pendekatan penerangan dilakukan untuk\_\_\_\_\_.

- I. mendedahkan maklumat
- II. memperincikan maklumat yang ada
- III. melaksanakan penyelidikan yang dijalankan
- IV. penyampaian pendekatan ini bersifat subjektif
  - A. I dan II
  - B. III dan IV
  - C. I, II dan III
  - D. Semua di atas

37. Perkara yang penting dalam retorik penghujahan ialah:

- A. Menyelitkan unsur psikologi
- B. Mempunyai penekanan *emphatic*
- C. Data berkaitan dan premis yang benar
- D. Mempunyai permulaan, pertengahan, dan penutup

38. Kesilapan bahasa ialah\_\_\_\_\_.

- A. penggunaan bahasa yang melanggar peraturan bahasa
- B. penggunaan bahasa yang salah dalam pertuturan
- C. mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa lain
- D. penggunaan bahasa yang salah dalam segi penulisan

39. Kenyataan di atas merupakan pendapat daripada seorang tokoh, iaitu:

Kesilapan bahasa itu tidak seharusnya dianggap sebagai pencemaran kerana kesilapan merupakan penyimpangan yang tidak disengajakan, daripada peraturan-peraturan bahasa. Kesilapan boleh diperbaiki, secara mendidik dan bukan dimomok-momokkan.

- A. Nik Safiah Karim
- B. Asmah Hj Omar
- C. Abdullah Hassan
- D. Hassan Ahmad

40. Salah satu kesalahan bahasa ialah kesalahan\_\_\_\_\_.

- A. Sintaksis
- B. Semantik
- C. Fonologi
- D. Gaya bahasa

**SOALAN 41-60****: ANALISIS KESALAHAN BAHASA****ARAHAN****: Pilih perkataan yang salah.**

41. Cabang penyelidikan Hong Leong Investment Bank Bhd terus positif ke

atas ekuiti Malaysia tahun ini dengan berlatarbelakangkan peningkatan

A

penggunaan domestik dan ringgit yang lebih kukuh serta perlaksanaan

B

projek pembinaan berskala besar. Tiada kesalahan

C

D

42. Kerajaan akan memberikan penjelasan kepada rakyat mengenai

A

pentingnya untuk kita mengekalkan perpaduan di seluruh negara.

C

Tiada kesalahan

D

43. *Ardence Labs* dibangunkan di atas tanah yang berkeluasan 10.9 hektar

A

bagi memberi penduduk setempat dan pengunjung menikmati pilihan gaya

B

hidup berbeza daripada pusat komersil tradisional sedia ada.

C

Tiada kesalahan

D

44. Tindakan sebuah pasar raya di United Kingdom yang merancang  
A mengeluarkan minyak sawit daripada produk di bawah jenama mereka  
B sendiri dianggap perbuatan yang memalukan. Pekebun kecil Malaysia  
mengutuk tindakan itu dan ia seperti yang pernah dilakukan penjajah  
C British pada masa lampau. Tiada kesalahan  
D
45. *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia* ialah bersifat  
A Akademik dan ditulis dengan bahasa yang sukar difahami oleh masyarakat  
B umum pengguna bahasa. Tiada kesalahan  
C D
46. Teknologi maklumat kini merupakan antara agenda terpenting sekali  
A B terutamanya dalam dunia perniagaan kerana mampu menyelesaikan  
sesuatu tugas dengan lebih cepat dan berkesan. Tiada kesalahan  
C D
47. Naskah Melayu lama yang bertulis tangan itu masih tersimpan di Arkib  
A B C Negara untuk dijadikan rujukan para pengkaji. Tiada kesalahan  
D
48. Di antara rakan kolaborasi utama program bertemakan Pendidikan dan  
A B Kepemimpinan Muda itu ialah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)  
C dan Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM). Tiada kesalahan  
D

49. Calon parti konservatif, Mario Abdo Benitez berjaya memenangi pilihanraya  
A  
presiden Paraguay selepas memperoleh 46.49 peratus undi, menewaskan  
B  
pencabarnya, Efrain Alegre yang hanya meraih 42.72 peratus undi.  
C  
Tiada kesalahan  
D
50. Bahasa haruslah menjadi agen utama dalam mencipta dan mewujudkan  
A B  
tingkat perbahasan dalam keilmuan yang tinggi. Tiada kesalahan  
C D
51. Kelakuan tentera Israel yang sangat kejam terhadap penduduk Palestin  
A B  
itu perlu dikutuk oleh masyarakat antarabangsa. Tiada kesalahan  
C D
52. Hubungan antara barat dan timur seharusnya diasaskan atas rasa saling  
A B  
hormat-menghormati untuk kepentingan bersama, bukannya menindas  
pihak yang lemah dengan tujuan menjaga kepentingan satu pihak  
C  
sahaja. Tiada kesalahan  
D
53. Faktor pergantungan ekonomi dan budaya yang dihasilkan oleh sejarah  
A B  
imperialis Barat mempengaruhi pola-pola pembangunan sosio ekonomi dan  
C D  
perindustrian bagi kebanyakan negara membangun. Tiada kesalahan

54. Bahasa yang juga merupakan elimen budaya, mampu membentuk  
A bangsanya memiliki akal budi yang terbina melalui penggunaan bahasa  
B yang tepat, betul dan tepu ilmu. Tiada kesalahan  
C D
55. Penggunaan telefon bimbit ketika memandu dikenal pasti menjadi antara  
A B punca utama kemalangan jalan raya di negara ini. Tiada kesalahan  
C D
56. Penguasaan bahasa utama dunia membolehkan seseorang  
menterjemahkan bahasa lain ke dalam bahasanya yang mana bukan  
A B C sahaja melambangkan perkataan, tetapi turut menunjukkan kekuatan  
jiwa bangsa. Tiada kesalahan  
D
57. Guru mesti bertindak sebagai pencetus kreativiti dan menjana inovasi  
A kerana guru sebagai penyampai ilmu, perlulah memiliki kemahiran tinggi  
bagi melakukan transformasi di dalam menjana minda pelajar agar menjadi  
B C lebih dinamik. Tiada kesalahan  
D
58. Menurut Akta Hakcipta 1987, hak untuk menterjemah sebarang karya  
A ke dalam Bahasa Kebangsaan hanya boleh dilakukan setahun selepas karya  
B C asal tersebut diterbitkan. Tiada kesalahan  
D

59. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Dewan Bahasa dan Pustaka Melayu  
A Thailand (DBPMT) telah menandatangani memorandum persefahaman  
B C pada 22 Mei 2014 yang lalu. Tiada kesalahan  
D
60. Pendidikan terhadap anak-anak akan lebih lancar apabila kita turut  
A B mengikis segala sikap kurang baik yang ada kepada diri mereka. Ibarat  
C "meratakan duri-duri pada sebatang kayu kecil, setelah dilicinkan, barulah  
boleh menjadi sebatang tongkat". Tiada kesalahan  
D

**-Kertas Soalan Tamat-**